

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

4. Kebanyakan rumah kampung di dalam KADUN Bayan Lepas dibina secara tidak sah di atas tanah kerajaan, GLC atau bukan di atas tanah sendiri berpuluhan-puluhan tahun. Sekarang penduduk berkenaan diminta kosongkan tanah tersebut dengan pampasan yang tidak mampu beli selain rumah kos rendah.
- (a) Adakah kerajaan sedar hal ini dan bagaimana untuk membantu ?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

4. Kerajaan sedar bahawa kebanyakan rumah kampung di dalam KADUN Bayan Lepas telah dibina oleh penduduk di atas tanah persendirian yang bukan berkaitan dengan mereka. Terdapat tuan tanah yang telah memohon untuk tanah tersebut dikosongkan dan rumah-rumah yang dibina dirobohkan.

Bagi kes sedemikian, Kerajaan Negeri mengambil beberapa inisiatif untuk membantu golongan ini melalui beberapa kaedah seperti berikut:

- (i) Keutamaan Kerajaan Negeri kepada mereka untuk sewa / beli rumah Kerajaan Negeri tertakluk kepada kelayakan;

- (ii) Bagi golongan yang tidak berkemampuan, Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan dan peruntukan bagi membina baru dan membaiki rumah di bawah program Pembangunan Desa sekiranya penduduk berkenaan ada tanah di tempat lain;
- (iii) Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya juga sedang mengenal pasti tanah-tanah kerajaan yang bersesuaian yang boleh ditawarkan Lesen Pendudukan Sementara bagi tujuan penempatan rumah semula; dan
- (iv) Kerajaan Negeri juga membantu golongan ini dengan memberi keutamaan untuk memiliki satu (1) unit rumah kos rendah / kos sederhana rendah di bawah Dasar Setinggan.